



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PENDAPATAN PURATA ISI RUMAH DAN
PEMBOLEH UBAH EKONOMI TERHADAP KESEIMBANGAN
PENDAPATAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA**

NASUHA BINTI MOKHTAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI PEMBANGUNAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh antara pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap keseimbangan pendapatan negeri-negeri di Malaysia. Kajian ini menggunakan data siri masa melibatkan 14 buah negeri di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2014 yang dianggar dengan kaedah regresi kuasa dua terkecil. Regresi ini dilaksana menggunakan model Kuznet (1955) berbantuan rumus Taguchi (2012) dan Tam (2008) bagi mengetahui nilai ambang pendapatan. Nilai ambang ini digunakan untuk mengenal pasti tahap pendapatan purata semasa negeri-negeri di Malaysia berbanding nilai ambang. Empat pemboleh ubah bebas digunakan dalam kajian ini iaitu pendapatan purata isi rumah (PPIR), indeks harga pengguna (IHP), nisbah pendidikan tertier (NPT) dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala pemboleh ubah bersandar iaitu keseimbangan pendapatan pula diproksi kepada pemboleh ubah pekali gini (GN). Hasil analisis mendapati pemboleh ubah PPIR dan NPT mempengaruhi secara positif kepada pemboleh ubah GN, manakala pemboleh ubah IHP dan KDNK pula mempengaruhi secara negatif. Analisis nilai ambang menggunakan model Kuznet pula menunjukkan kebanyakan negeri di Malaysia telah melepasi nilai ambang. Pendapatan purata yang melepasi nilai ambang ini menunjukkan bahawa pendapatan purata semasa yang diterima oleh negeri-negeri di Malaysia adalah mencukupi. Pencapaian ini menunjukkan usaha ekonomi yang dilaksanakan secara berterusan pada peringkat negeri dan negara bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berupaya untuk merapatkan jurang ketidakseimbangan dalam pengagihan pendapatan. Implikasi kajian ini membuktikan bahawa usaha pihak kerajaan untuk mengembangkan ekonomi negara melalui pelbagai dasar telah berjaya untuk mencapai objektif dan perlu dipertingkat pada masa depan.





EFFECT OF THE AVERAGE HOUSEHOLD INCOME AND ECONOMIC VARIABLES ON THE BALANCE OF INCOME IN ALL STATES IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study is aimed at analysing the influence between the average household income and economic variables to balance income earning in the states of Malaysia. This study uses time series data involving 14 states in Malaysia from the year 1970 to 2014 estimated using the method of ordinary least squares. This regression is implemented using the Kuznets model (1955) aided by Taguchi formula (2012) and Tam (2008) to determine the turning point income. This turning point is used to determine the level of average current income in Malaysia compared to a turning point. Four independent variables are used in this study which are the average household income (PPIR), the consumer price index (IHP), the ratio of tertiary education (NPT) and the Gross Domestic Product (KDNK), while the dependent variable, namely the balance of income is proxied to enabler's gini coefficient variable (GN). The analysis results show that the variables PPIR and NPT influence the GN variables, positively while the variables IHP and KDNK have influence. The turning point analysis the using the Kuznets model showed that most states in Malaysia have exceeded the turning point value. The average income that surpassed this turning point indicates that the average income received by the states in Malaysia is sufficient. This achievement shows that economic efforts on going at the state level and the country to increase the incomes of households are able to narrow the gap of inequality in income distribution. The implications of this study prove that the efforts of the government to develop the country's economy through various policies have managed to achieve the objective and must be improved in the future.



**SENARAI KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	15
1.9.1	Sumber Data Kajian	16
1.9.2	Tempoh Masa Kajian	16
1.9.3	Pemboleh ubah Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	17
1.10.1	Keseimbangan	17
1.10.2	Pendapatan Purata Isi Rumah	18
1.10.3	Teori Kuznet	18
1.10.4	Nilai Ambang (<i>turning point</i>)	19
1.11	Organisasi Kajian	20





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.12

Rumusan

20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Ketidakseimbangan Ekonomi di Malaysia	22
2.3	Kajian Lepas	28
2.3.1	Teori Kuznet	28
2.3.2	Pengaruh Pertumbuhan Ekonomi dan Ketidakseimbangan	36
2.3.3	Pengaruh Pendapatan Isi Rumah dan Ketidakseimbangan	45
2.3.4	Pengaruh Pendidikan dan Ketidakeimbangan	51
2.3.5	Pengaruh Inflasi dan Ketidakseimbangan	59



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.4

Rumusan

63

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	64
3.2	Kaedah Penyelidikan	65
3.3	Kaedah Penganalisan Data	67
3.3.1	Ujian Deskriptif	68
3.3.2	Ujian Integrasi	69
3.3.3	Ujian Kaedah Kuasa Dua Terkecil (KKDT)	75
3.4	Ujian Diagnostik	77
3.4.1	Autokolerasi	77
3.4.2	Heteroskedastisiti	79
3.5	Rumusan	81



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 4 ANALISIS KEPUTUSAN EMPIRIKAL

4.1	Pengenalan	82
4.2	Analisis Deskriptif	83
4.3	Analisis Integrasi	88
4.3.1	Ujian Punca Unit Imbuhan Dickey Fuller (ADF)	89
4.3.2	Ujian Punca Unit Philip Perrons (PP)	92
4.4	Ujian Kaedah Kuasa Dua Terkecil (KKDT)	95
4.5	Rumusan	100

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Kesimpulan dan Implikasi Dasar	102
5.3	Cadangan Kajian	108
5.4	Rumusan	109

RUJUKAN	110
----------------	------------

LAMPIRAN

Lampiran A	121
Lampiran B	124

**SENARAI JADUAL****No.Jadual****Muka Surat**

1.1	KDNK, Kadar Kemiskinan dan Pekali Gini, Malaysia, 1970-2014	5
1.2	Pendapatan Purata Isi Rumah Negeri, Malaysia, 1970-2014	7
1.3	Pekali Gini Negeri-Negeri Malaysia, 1970-2014	9
2.1	Ketidakseimbangan di Malaysia, 1990-2014	27
2.2	Trend Keluaran Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2006- 2014	52
3.1	Ujian <i>d</i> Durbin Watson	78
4.1	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Negeri-Negeri di Malaysia	83
4.2	Ujian Punca Unit Imbuhan Dickey Fuller (ADF)	89
4.3	Ujian Punca Unit Philips Perron (PP)	92
4.4	Hasil Analisis Model Kuznet Negeri- Negeri di Malaysia	96





SENARAI RAJAH

No.Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konsep Kajian

13





SENARAI SINGKATAN

ADF	<i>Augmented Dickey Fuller</i> (Imbuhan Dickey Fuller)
AIC	<i>Akaike Information Criterion</i> (Kriteria Informasi Akaike)
AR	<i>AutoRegression</i> (Autoregrasi)
ARDL	<i>Auto Regressive Distributed Lag</i>
<i>d</i>	Durbin Watson
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Negara
<i>et al.</i>	<i>et alia</i> (dan lain-lain)
GARCH	<i>Generalized Autoregressive Conditional Heteroskedasticity</i>
GGM	<i>Generalized Method of Moments</i>
GN	Pekali Gini
IHP	Indeks Harga Pengguna
JB	<i>Jarque-Bera</i>
JPN	Jabatan Perpaduan Negara
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKDT	Kaedah Kuasa Dua Terkecil
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LB	Ljung-Box
LQ	<i>Location quotient</i>
MBE	Model Baru Ekonomi
NPT	Nisbah Pendidikan Tertier
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PP	Phillip Perrons
PPIR ²	Jumlah Kuasa Dua Pendapatan Purata Isi Rumah
PPIR	Pendapatan Purata Isi Rumah
RM	Ringgit Malaysia
UPE	Unit Perancang Ekonomi
VAR	<i>Vector Autoregression</i> (Vektor Autoregrasi)





BAB 1

PENGENALAN



1.1

Pendahuluan



Malaysia merupakan antara negara membangun di dunia yang telah berjaya mencapai tingkat pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pertumbuhan ekonomi yang baik penting dicapai untuk melancarkan proses pelaksanaan pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Antara matlamat pelaksanaan polisi ekonomi di Malaysia sejak mencapai kemerdekaan hingga kini adalah untuk memastikan pengagihan kekayaan negara dapat dilakukan secara adil dan saksama (Chowdhury & Islam, 1996). Kejayaan dalam pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh Malaysia pada masa kini bukan pencapaian yang diperoleh secara mudah. Menurut Patmawati dan Rahisam (2010), dilema ketidakseimbangan dan kemiskinan merupakan antara masalah utama yang dihadapi walaupun Malaysia berjaya menunjukkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan.



Pembangunan ekonomi di Malaysia telah memberi kesan bersama terhadap

perubahan turun dan naik dalam pekali Gini. Nilai pekali Gini diukur antara 0 hingga 1 merupakan indikator yang sering digunakan bagi mengenal pasti tahap keseimbangan dalam pengagihan ekonomi (Rahmah & Poo Bee, 2002). Keberkesanaan polisi di Malaysia didapati telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan namun tahap ketidakseimbangan masih menunjukkan trend yang tidak stabil. Sehubungan itu, dasar ekonomi untuk mengatasi dilema ini dirangka. Dasar yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990) merupakan usaha awal oleh pihak kerajaan bagi menyeimbangkan senario yang berlaku pada awal kemerdekaan negara (Rajah, 2011). Sepanjang pelaksanaan DEB, kejayaan penting dicapai yang mana nilai pekali Gini menunjukkan aliran menurun daripada 0.513 kepada 0.448. Sehubungan itu, usaha untuk mencapai keseimbangan yang lebih sama rata ini menjadi sasaran utama dalam pelaksanaan polisi ekonomi selanjutnya.

Rentetan kejayaan DEB, pihak kerajaan telah meneruskan agenda ini melalui dasar pelaksanaan jangka panjang iaitu Wawasan 2020 yang merangkumi tiga fasa utama iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN, 1991-2000), Dasar Wawasan Negara (DWN, 2001-2010) dan Model Baru Ekonomi (MBE, 2011-2020). Dalam tempoh 25 tahun yang lepas (1990 hingga 2014), angka pekali Gini terus mencatatkan penurunan daripada 0.459 kepada 0.401. Menariknya, perubahan angka pekali Gini adalah kecil berbanding tempoh sebelum 1990. Sehubungan itu, senario ini memerlukan satu kajian untuk meneliti sejauh mana keseimbangan dalam ekonomi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang diraih oleh negeri-negeri di Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2

Latar Belakang Kajian

Sedekad selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, isu ketidakseimbangan dan kemiskinan telah bertukar menjadi krisis yang membawa kepada peristiwa rusuhan pada 13 Mei 1969. Akibat peristiwa tersebut, berlaku perdebatan pada peringkat nasional di Malaysia untuk mencari punca dan jalan penyelesaian (Faaland, Parkinson & Saniman, 1990). Lantaran itu, dua agensi kerajaan ditubuhkan iaitu Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Jabatan Perpaduan Negara (JPN) bertujuan untuk menyiasat punca dan melaksanakan tindakan penyelesaian. Ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dikenal pasti sebagai punca pergolakan sosial telah memberikan implikasi positif kepada keperluan untuk menggubal dan merancang dasar ekonomi negara (Ragayah, 2008).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

DEB (1971-1990) merupakan dasar kerajaan yang berkonsep serampang dua mata bertujuan membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di Malaysia. Melalui DEB, Malaysia telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 7.0 peratus. DEB telah mencorak wajah ekonomi yang baru khususnya kepada golongan bumiputera dengan penurunan dalam kadar kemiskinan dan peningkatan taraf pendidikan golongan bumiputera. Pendekatan konsep afirmatif dalam melaksanakan DEB sebagai metod penyelesaian ketidakseimbangan ekonomi orang Melayu khususnya telah berjaya dilaksanakan. Usaha ini berjaya untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik utama di Malaysia (Faaland *et al.*, 1990).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Pelaksanaan DEB ini memberi kesan kepada peningkatan bilangan profesional dan golongan kelas menengah bumiputera yang mempunyai kuasa beli yang tinggi. Dasar-dasar pembangunan berdasarkan prinsip pertumbuhan dan pengagihan saksama yang telah dilaksanakan ini telah berjaya merapatkan jurang ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik (Hamidah, Muhammad & Norlin, 2009). Selepas berakhirnya tempoh pelaksanaan DEB, kerajaan telah melancarkan polisi lanjutan yang dikenali sebagai Wawasan 2020.

Selain bermatlamat mencapai negara maju, dasar-dasar ini turut menitikberatkan elemen pembangunan ekonomi yang seimbang merangkumi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran dan kecemerlangan ekonomi. Bahkan usaha-usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi diperluaskan kepada aspek bukan etnik, serta turut menumpukan kepada jurang antara golongan kaya dan miskin dan juga antara wilayah (Shamsul, 2012). Isu ketidakseimbangan dalam kalangan masyarakat walaupun ekonomi mencatatkan pertumbuhan tinggi ini membuktikan bahawa berlakunya lompong dalam agihan pendapatan yang tidak diagihkan secara adil dan saksama (Asan Ali, 2007).

Berdasarkan Jadual 1.1, KDNK Malaysia mencatatkan peningkatan yang ketara setiap tahun dari tahun 1970 sehingga tahun 2014. KDNK Malaysia pada tahun 1970 adalah berjumlah sebanyak RM 11.8 billion, dan kemudiannya semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014, nilai KDNK Malaysia ialah RM 1.11 trillion.



Pencapaian dalam angka ini menunjukkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan telah memberi kesan positif untuk meningkatkan ekonomi negara. Rentetan daripada nilai KDNK yang tinggi, kadar kemiskinan keseluruhan turut berjaya dikurangkan dari 49.3 peratus (1970) kepada 0.6 peratus (2014). Walau bagaimanapun, nilai pekali Gini menarik untuk dikaji memandangkan wujud perbezaan antara sebelum dan selepas DEB. Sepanjang tempoh pelaksanaan DEB, nilai pekali Gini menunjukkan penurunan digit asas daripada 0.5 (1970) kepada 0.4 (1990). Namun demikian untuk tempoh 1990 hingga 2014, berlaku turun naik dalam angka Gini yang ditunjukkan pada digit kedua, manakala digit asas pertama didapati tidak berubah

Jadual 1.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Kadar Kemiskinan dan Pekali Gini,
Malaysia, 1970-2014

Tahun	KDNK (RM)	Kadar Kemiskinan (%)	Pekali Gini
1970	11,829	49.3	0.513
1975	22,332	43.9	0.543
1980	53,308	37.4	0.500
1985	77,470	20.7	0.474
1990	119,081	17.1	0.448
1995	222,473	8.5	0.456
2000	356,401	5.5	0.449
2005	543,578	5.0	0.455
2010	821,434	2.8	0.438
2014	1,106,580	0.6	0.401

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai tahun

Lanjutan itu, senario ini menarik untuk diteliti secara lebih mendalam bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi yang lain terhadap isu ini. Untuk mengkaji hubungan ini, teori Kuznets diaplikasikan. Teori ini menjelaskan ketidakseimbangan agihan pendapatan adalah



tinggi pada peringkat awal proses pembangunan, dan kemudiannya berkurangan setelah proses pembangunan berlanjutan (Kuznets, 1963). Oleh yang demikian, kajian yang berbantuan teori Kuznets ini dijangka berupaya untuk menerangkan kedudukan pekali Gini di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji pengaruh pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap pekali Gini sebagai proksi pemboleh ubah keseimbangan pendapatan di Malaysia. Di samping itu, pencapaian keseimbangan dalam pendapatan semasa negeri-negeri dapat ditentukan sama ada telah mencapai satu titik keseimbangan atau sebaliknya melalui analisis nilai ambang.

1.3 Pernyataan Masalah



Malaysia dibentuk melibatkan gabungan 14 buah negeri yang berbeza-beza dalam aspek pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan pendapatan purata isi rumah di Malaysia menunjukkan tahap ketidakseimbangan yang semakin membimbangkan. Jurang ketidakseimbangan pendapatan semakin melebar antara kawasan bandar dan luar bandar antara wilayah yang kurang membangun dan lebih membangun (Salma *et al.*, 2010). Situasi ini berlaku disebabkan jurang pendapatan antara setiap negeri dan wilayah semakin mengecil dari segi relatif, namun jurang pendapatan berasaskan nilai mutlak semakin melebar. Berdasarkan penelitian, pendapatan purata isi rumah telah meningkat setiap tahun yang mana pendapatan yang diterima oleh isi rumah di wilayah membangun adalah lebih tinggi berbanding dengan wilayah kurang membangun. Keadaan ini memberi kesan kepada kedudukan



keseimbangan pendapatan antara negeri yang mana negeri-negeri kurang maju sering berhadapan dengan isu kemiskinan (Katiman, 2001).

Jadual 1.2 menunjukkan pendapatan purata isi rumah yang diperolehi mengikut negeri-negeri di Malaysia dari tahun 1970 hingga 2014. Beberapa dapatan yang menarik dapat diperhatikan dalam Jadual 1.2 yang menunjukkan pendapatan kasar bulanan isi rumah purata di Malaysia telah meningkat daripada RM 264 (1970) kepada RM 6,141 (2014).

Jadual 1.2
Pendapatan Purata Isi Rumah Negeri, Malaysia, 1970-2014

Negeri	Pendapatan Purata Isi Rumah									
	1970	1976	1984	1989	1995	1999	2004	2009	2012	2014
Selangor	421	735	1,590	1,790	3,162	3,702	5,175	5,962	7,023	8,252
W.P.KL	n.a	1,058	1,920	2,102	3,371	4,105	5,011	5,488	8,586	10,629
N. Sembilan	286	505	1,039	1,162	1,767	2,335	2,886	3,540	4,576	5,271
Johor	237	513	1,065	1,220	2,138	2,646	3,076	3,835	4,658	6,207
Melaka	265	568	1,040	1,190	1,843	2,260	2,791	4,184	4,759	6,046
P. Pinang	292	589	1,183	1,375	2,225	3,128	3,531	4,407	5,055	5,993
Kedah	189	306	690	860	1,295	1,612	2,126	2,667	3,425	4,478
Perlis	140	338	692	852	1,158	1,431	2,046	2,617	3,538	4,445
Perak	254	436	883	1,067	1,436	1,743	2,207	2,809	3,548	4,268
Kelantan	151	269	625	726	1,091	1,314	1,829	2,809	3,168	3,715
Terengganu	173	339	756	905	1,117	1,600	1,984	3,017	3,967	4,816
Pahang	286	477	960	1,092	1,436	1,482	2,410	3,279	3,745	4,343
Sabah	n.a	513	1,212	1,358	1,647	1,905	2,487	3,144	4,089	4,985
Sarawak	n.a	426	1,033	1,199	1,886	2,276	2,725	3,581	4,293	4,934
Malaysia	264	505	1,098	1,169	2,020	2,606	3,249	4,025	5,000	6,141

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai tahun

Analisis pendapatan purata mengikut negeri pula menunjukkan wujud jurang antara negeri yang maju dan negeri yang kurang maju di Malaysia. Kajian oleh Muzafar, Dayang dan Puah (2012) berkaitan kesan dasar serampang dua mata di negeri-negeri di Malaysia dari aspek perbezaan agihan pendapatan daripada



pelaksanaan DEB. Sepanjang tempoh DEB dilaksanakan didapati Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur merupakan pemacu ekonomi negara dengan mencatatkan pendapatan purata isi rumah negeri melebihi purata pendapatan negara. Perubahan ketara wujud dalam tempoh pelaksanaan dasar ekonomi yang telah dilaksanakan. Bagi negeri Melaka dan Perak pula pada peringkat awal mencatat pendapatan purata isi rumah yang tinggi berbanding negeri-negeri lain. Namun kedudukan kemudiannya digantikan oleh Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Kajian oleh Salma, Rahmah dan Mohd Nasir (2010), berkaitan penentuan dan perbezaan pendapatan isi rumah antara negeri-negeri di wilayah tengah dan timur di Semenanjung Malaysia telah mendapati isi rumah yang menetap di kawasan wilayah tengah menerima pendapatan lebih tinggi berbanding isi rumah di luar bandar. Pembangunan berpusat terutama di bandar yang menawarkan pekerjaan mahir menyumbang perbezaan pendapatan dengan kawasan luar Bandar di mana isi rumah yang bekerja dalam sektor pekerjaan mahir akan memperoleh pendapatan lebih tinggi berbanding sektor pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir.

Manakala bagi Negeri Sabah pula menunjukkan penurunan dalam pendapatan purata sebanyak 15% dan 35% pada tahun 1990 dan 2000. Keadaan ini menunjukkan wujud ketidakseimbangan agihan pendapatan antara negeri di Malaysia. Analisis *location quotient* (LQ) oleh Hasnah, Noraziah dan Sanep (2011) mendapati negeri kurang maju seperti Terengganu dan Pahang tertumpu kepada sektor pertanian dan perlombongan. Manakala aktiviti ekonomi seperti pembuatan dan pembinaan tertumpu di negeri maju seperti Selangor dan Melaka.





Sehubung itu, indeks pembangunan negeri di Malaysia dikategorikan kepada dua kelompok mengikut berdasarkan tahap pembangunan negeri iaitu negeri-negeri maju seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur dan negeri-negeri membangun seperti Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak (Norhaslina & Dahlan, 2013)

Sepanjang tempoh pelaksanaan dasar-dasar ekonomi, ketidakseimbangan pendapatan isi rumah di Malaysia menunjukkan keadaan yang semakin membimbangkan. Perbezaan pendapatan purata isi rumah ini dapat ditunjukkan oleh pekali Gini seperti Jadual 1.3.

Jadual 1.3

Pekali Gini Negeri-Negeri Malaysia, 1970-2014

Negeri	1970	1975	1980	1985	1990	1995	2000	2005	2010	2014
Johor	0.379	0.454	0.434	0.398	0.395	0.399	0.393	0.386	0.390	0.324
Kedah	0.575	0.510	0.470	0.462	0.430	0.406	0.415	0.389	0.402	0.365
Kelantan	0.826	0.559	0.443	0.447	0.422	0.442	0.431	0.400	0.422	0.393
Melaka	0.402	0.532	0.465	0.426	0.396	0.399	0.394	0.361	0.392	0.316
N. Sembilan	0.415	0.478	0.430	0.425	0.379	0.384	0.395	0.382	0.375	0.361
Pahang	0.567	0.415	0.466	0.401	0.356	0.373	0.356	0.386	0.373	0.360
P. Pinang	0.575	0.603	0.484	0.442	0.408	0.405	0.411	0.402	0.403	0.364
Perak	0.306	0.489	0.443	0.422	0.413	0.397	0.397	0.395	0.406	0.366
Perlis	0.279	0.462	0.443	0.442	0.390	0.379	0.408	0.433	0.441	0.346
Selangor	0.489	0.512	0.500	0.475	0.444	0.424	0.403	0.435	0.414	0.379
Terengganu	0.542	0.492	0.459	0.467	0.455	0.464	0.435	0.428	0.421	0.360
Sabah	0.488	0.490	0.490	0.483	0.462	0.448	0.454	0.468	0.445	0.390
Sarawak	0.506	0.503	0.500	0.487	0.450	0.440	0.420	0.441	0.445	0.391
W.K.L	0.584	0.550	0.514	0.479	0.433	0.423	0.425	0.460	0.396	0.407
Malaysia	0.513	0.543	0.500	0.474	0.447	0.456	0.449	0.455	0.437	0.401

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai tahun

Berdasarkan Jadual 1.3, pekali Gini di Kelantan menunjukkan kadar penurunan paling ketara iaitu daripada 0.826 (1970) kepada 0.393 (2014). Keadaan sebaliknya berlaku di Perlis dengan peningkatan nilai Gini kepada 0.346 (2014) berbanding 0.279 (1970). Pembangunan pesat ekonomi Perlis melalui industri gula di Chuping





dan Kilang Gula FELDA Perlis berjaya membangunkan sosioekonomi melalui penggunaan tenaga buruh merupakan alasan kukuh yang meningkatkan nilai pekali ini. Secara umum, kemajuan ekonomi negara amnya dan ekonomi negeri khususnya telah memberikan implikasi positif untuk merapatkan jurang pendapatan isi rumah mengikut negeri-negeri di Malaysia (Mohd Saifoul, Siti Hadijah & Roslan, 2013).

Kajian oleh Asan (2008) mendapati nilai pekali Gini di Malaysia masih melebar walaupun ekonomi telah berkembang melebihi tempoh 40 tahun. Perbezaan ini mewujudkan jurang ketidakseimbangan yang luas antara wilayah di negara ini. Walaupun pendapatan kasar bulanan isi rumah meningkat setiap tahun serta kadar kemiskinan berkurangan, namun tingkat kadar inflasi, pendidikan dan KDNK turut mempengaruhi situasi ini. Sehubungan itu, pengaruh pemboleh ubah- pemboleh ubah ini terhadap keseimbangan yang diproksi kepada pekali gini dapat dikaji dengan lanjut menggunakan teori Kuznet.

Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengenal pasti pengaruh antara pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap pekali Gini melibatkan kajian negeri-negeri di Malaysia. Pengaruh ini dikaji berdasarkan teori Kuznets yang berupaya untuk menjelaskan isu ketidakseimbangan agihan pendapatan. Melalui kajian ini, pengaruh pendapatan purata isi rumah terhadap perubahan nilai pekali Gini dapat dianalisis dengan lanjut. Rentetan daripada pengaruh ini, ketekalan nilai pekali Gini yang sukar berkurangan dapat diperincikan menggunakan konsep nilai ambang. Pengiraan daripada rumus nilai ambang, berupaya untuk memberikan maklumat sama ada pendapatan isi rumah semasa di Malaysia telah melepasi nilai ambang (*turning point*) atau sebaliknya. Sehubungan itu, isu sama ada negeri-negeri





di Malaysia telah mencapai titik keseimbangan pendapatan purata isi rumah dapat dirungkai.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Menganalisis pengaruh antara pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap keseimbangan (pekali Gini) di Malaysia.
2. Menghitung nilai ambang (*turning point*) pendapatan purata isi rumah negeri-negeri di Malaysia.
3. Membandingkan nilai ambang telah melepasi pendapatan purata isi rumah semasa di Malaysia atau sebaliknya.





1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, terdapat tiga (3) persoalan kajian yang akan dinyatakan dalam kajian ini. Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah pengaruh antara pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap keseimbangan (pekali Gini) di Malaysia?
2. Berapakah nilai ambang (*turning point*) pendapatan purata isi rumah negeri-negeri di Malaysia?
3. Adakah nilai ambang telah melepasi pendapatan purata isi rumah semasa di Malaysia atau sebaliknya?



1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab objektif kajian pertama, asas hipotesis kajian telah dibentuk bagi melihat pengaruh pemboleh ubah pendapatan purata isi rumah terhadap tahap keseimbangan pendapatan yang diproksi oleh pemboleh ubah pekali Gini. Pemboleh ubah ekonomi lain yang dianalisis bersama-sama adalah nisbah pendidikan tertier, inflasi dan KDNK yang merupakan pemboleh ubah penting untuk mencapai keseimbangan ekonomi di Malaysia.





Oleh yang demikian, hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:


- H₁: Terdapat pengaruh yang signifikan antara pekali Gini (GN) dengan pemboleh ubah pendapatan purata isi rumah (PPIR).
- H₂: Terdapat pengaruh yang signifikan antara pekali Gini (GN) dengan pemboleh ubah jumlah kuasa dua pendapatan purata isi rumah (PPIR²).
- H₃: Terdapat pengaruh yang signifikan antara pekali Gini (GN) dengan pemboleh ubah nisbah pendidikan tertier (NPT).
- H₄: Terdapat pengaruh yang signifikan antara pekali Gini (GN) dengan pemboleh ubah inflasi (IHP).



- H₅: Terdapat pengaruh yang signifikan antara pekali Gini (GN) dengan pemboleh ubah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berikut merupakan rajah yang menerangkan tentang pengaruh setiap pemboleh ubah ekonomi yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian





Rajah 1.1 merupakan carta yang menunjukkan pengaruh pemboleh ubah ekonomi terhadap ketidakseimbangan pendapatan yang dianalisis menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (KKDT). Pemboleh ubah- pemboleh ubah tersebut merupakan ciri dan faktor penting dalam keseimbangan pendapatan yang setiap satunya mempunyai kesan yang berbeza (Gay & Airasian, 2000). Pemboleh ubah pekali Gini merupakan pemboleh ubah bersandar yang menerima kesan daripada satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar (Bound, Jaeger & Baker, 1990). Manakala pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada pendapatan purata isi rumah (PPIR), nisbah pendidikan tertier (NPT), indeks harga pengguna (IHP) dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pemboleh ubah tidak bersandar tersebut dijangka akan mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan merupakan penyebab ketidakseimbangan berlaku.



1.8 Kepentingan Kajian

Ketidakseimbangan pendapatan memberi pengaruh positif dan negatif kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini penting kerana dapat memberikan sumbangan kepada bidang ekonomi seperti penyediaan data dan temuan kajian yang menjelaskan bagaimana peranan dan pengaruh antara ketidakseimbangan dengan menggunakan Teori Kuznets. Pertama, kajian ini memberi maklumat kepada ahli akademik mengenai pengaruh ketidakseimbangan dengan pemboleh ubah ekonomi di Malaysia. Dengan maklumat ini, pengkaji dapat mengenalpasti pengaruh pemboleh ubah- pemboleh ubah ekonomi yang signifikan yang digunakan memberi kesan kepada ketidakseimbangan ekonomi di Malaysia. Hasil kajian ini juga





diharapkan boleh dijadikan rujukan kepada kajian-kajian yang akan datang terutama kepada mereka yang ini mendalami bidang ekonomi pembangunan.

Kedua, kajian ini dapat mengenalpasti dasar dan polisi agihan pendapatan sama ada telah mencapai kejayaan atau sebaliknya. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pelaksanaan polisi ekonomi dan sosial negara kini yang mengutamakan sasaran pendapatan tinggi merupakan dasar signifikan kearah pembangunan yang mampan.

Seterusnya hasil kajian ini diharap dapat mengukuhkan lagi penemuan-penemuan kajian lepas yang diperolehi iaitu pengaruh antara pendapatan purata isi rumah dan pemboleh ubah ekonomi terhadap keseimbangan (pekali Gini) di Malaysia. Kajian ini turut menyumbang kepada kepentingan ilmu atau literatur dalam bidang ekonomi sama ada menyokong atau sebaliknya berkaitan teori Kuznets.

1.9 Batasan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian terdapat beberapa limitasi kajian. Bagi menjadikan kajian ini lebih berfokus, beberapa limitasi kajian ditetapkan seperti berikut:

